

CIDB News

Newsletter of the Construction Industry Development Board Malaysia



ISSUE 3 / 2008

YOUR PERSONAL COPY

ISSN 1985-1887

ASC2008: Showcase of Excellence in Skills

CIDB terima persijilan
OHSAS 18001:2007
dan MS 1722:2005

QLASSIC Score



CONTENTS

EDITORIAL BOARD



Editor's Note

- 3 ASC2008: Mempamerkan Kecemerlangan Kemahiran
- 3 ASC2008: Showcase of Excellence in Skills

Berita / News

- 4 ASC 2008: "Meeting of skills"
- 6 CIDB tandatangani MoU dengan SWA
- 7 CIDB mencapai persijilan OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2005

Artikel / Article

- 8 QCLASSIC Score
- 10 Kerajaan utamakan pembinaan berasaskan IBS
- 11 Majlis hari raya meriah
- 12 CIDB sekali lagi jayakan ICW

Advisor

Datuk Ir. Hamzah Hasan
Chief Executive of CIDB

CIDB Publication Committee

Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani
Sariah Abdul Karib
Abdul Latif Hitam
Ir. Elias Ismail
Wan Kadir Wan Draman

Chief Editor

Sazali Che Amat

Secretariat

Development and Corporate
Communication Division

Published by

CIDB Malaysia
www.cidb.gov.my

Designed by

Ideamas Editorial Services

Correspondence

We welcome feedback, comments,
articles and enquiries from readers.
Please forward them to :

The Editor CIDB News
CEO Office
CIDB Malaysia

Tel : 03 - 2617 0200
Fax : 03 - 4044 5808
Email : sazali@cidb.gov.my
corporate@cidb.gov.my

IBU PEJABAT CIDB

Lembaga Pembangunan Industri
Pembinaan Malaysia
Tingkat 7, Grand Seasons Avenue,
72, Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2617 0200
Fax: 03-2617 0220

PEJABAT CIDB NEGERI

**CIDB WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**
Tkt. 7, Grand Seasons Avenue,
72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-40453800
Fax : 03-40453858

CIDB KEDAH

Lot 1-4, Tingkat 11,
City Plaza,
Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar, Kedah.
Tel: 04-733 1243
Fax : 04-733 1175

CIDB PULAU PINANG

Lot 9.01, Tingkat 9, Bangunan KWSP,
No. 3009 Off Lebuhr Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.
Tel: 04 - 390 2448
Fax: 04 - 390 7448

CIDB PERAK

Lot 5.02, Tingkat 5, Bangunan KWSP,
Jalan Greentown, 30450 Ipoh, Perak.
Tel: 05 - 242 3488
Fax: 05 - 255 5488

CIDB MELAKA

No. 24-2 & 26-2, Tingkat 2
Bangunan Kota Cemerlang
Lebuhr Ayer Keroh
75450 Ayer keroh, Melaka
Tel: 06 - 232 8895
Fax: 06 - 232 8950

CIDB JOHOR

Lot 2067, Batu 3, Jalan Tampoi,
81200 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-234 4808
Fax : 07-234 4807

CIDB TERENGGANU

Tingkat 7, Menara Yayasan Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-624 5311
Fax : 09-623 8973

CIDB KELANTAN

No. U7.2, Tingkat 7,
Menara Perbadanan,
Jalan Tengku Petra Semerak,
15000 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09 - 744 4311
Fax: 09 - 743 4311

CIDB PAHANG

B246 & 248,
Wisma Kontraktor Melayu Pahang
Jalan Dato' Lim Hoe Lek,
25200 Kuantan, Pahang.
Tel: 09 - 517 8734
Fax: 09 - 517 8751

CIDB SABAH

Lot EG. 11, Tingkat Bawah,
Blok E, Bangunan KWSP,
88100 Kota Kinabalu,
Sabah.
Tel: 088 - 235 060
Fax: 088 - 242 481

CIDB SABAH (CAWANGAN TAWAU)

TB 306, Tingkat 2, Blok 35,
Kompleks Perdagangan Fajar,
Jalan Hj. Karim,
91009 Tawau, Sabah.
Tel: 089 - 777 842
Fax: 089 - 777 840

CIDB SARAWAK

Tingkat 1, Blok A, Kompleks CIDB,
Jalan Sultan Tengah,
93050 Kuching, Sarawak.
Tel: 082 - 445 833
Fax: 082 - 447 833

CIDB SARAWAK (CAWANGAN MIRI)

Tingkat 1, Wisma Rela Aman,
Lot 1301, Blok 9
MCLD Miri Water Front,
98000 Miri, Sarawak.
Tel: 085 - 417 431
Fax: 085 - 417 432

ASC2008: Mempamerkan Kecemerlangan Kemahiran

Pertandingan Kemahiran Asean 2008 (ASC2008) berlangsung di Akademi Binaan Malaysia, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur mulai 14 November hingga 16 November ini.

Apa signifikannya acara besar ini? Apa perlunya ia diadakan dalam konteks pembangunan negara Asean? Apa yang mahu digilap dan dicapai daripada acara membabitkan pelbagai bidang kemahiran kritikal ini?

Sudah tentu signifikannya menyerlah. Sudah tentu keperluannya mendesak dalam konteks pembangunan negara Asean. Sudah pasti banyak aspek kemahiran mahu digilap dan dicapai membabitkan pelbagai bidang kemahiran kritikal.

Dan semua signifikasi, keperluan serta kemahiran yang mahu digilap itu dipertontonkan di dalam acara besar berkenaan guna memberi manfaat kepada semua negara anggota.

Acara kemahiran terbesar itu disertai semua 10 negara Asean membabitkan 386 peserta dalam 19 bidang kemahiran, kebanyakannya berasaskan industri pembinaan.

Industri pembinaan menjadi asas utama kerana ia teras kepada pembangunan dan dapat memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Antara kategori kemahiran yang dipertandingkan ialah penerapan bata, pembuatan kabinet, rekabentuk dan lukisan berasaskan bantuan komputer (CADD), masakan, pendawaian elektrik, teknologi rekabentuk grafik, penggunaan perisian dan teknologi maklumat serta elektronik perindustrian.

Turut dipertandingkan ialah kategori pertukangan, pembuatan pakaian wanita, mekatronik, kerja paip, khidmat restoran, penyejukbekuan, penjubinan, rekabentuk laman web, teknologi automobil, terapi kecantikan dan kimpalan.

Antara objektif pertandingan ini ialah untuk mempromosi pembangunan kemahiran teknikal dan kualiti vokasional serta nilai kerja di kalangan pekerja mahir dan golongan belia.

Ia juga bertujuan memartabatkan kerjasama teknikal dalam pendidikan vokasional dan teknikal di kalangan negara anggota serta menggalakkan kerjasama antara negara Asean, industri, organisasi, majikan, pekerja dan institusi latihan vokasional.

Dengan semua matlamat itu, ternyata ASC2008 mampu menjadi acara dan tempat sesuai bagi mempamerkan kecemerlangan kemahiran.



ASC2008: Showcase of Excellence in Skills

Asean Skills Competition (ASC2008) will be held at the Akademi Binaan Malaysia, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur starting from this coming 14th November until the 16th November.

What is the significance of this big event? Why is it needs to be held looking from the context of development of Asean countries? What are the things to be polished and accomplished from events involving these various critical skills?

Of course the significance is obvious. Of course the requirements for this in the context of the development of Asean countries is demanding. Of course many skills aspects will be polished and accomplished involving various fields of critical skills.

And all the significances, requirements together with the skills to be polished is exhibited in the big events to provide benefits for all country members.

This biggest skills event will be participated by all 10 Asean countries involving 386 participants in 19 fields of skills, mostly in the construction based industry.

The construction industry becomes the main foundation because it is the core of development and can propel the economic growth of a country.

Among the skills categories in competition are bricklaying, cabinet making, computer aided drawing and design (CADD), cooking, electrical installation, graphic design technology, IT / software application along with industrial electronic.

Also in competition are joinery, ladies' dressmaking, mechatronics, plumbing, restaurant service, refrigeration, wall and floor tiling, web design technology, automobile technology, beauty therapy and welding.

Among the objectives of this competition are to promote technical skills development and vocational quality together with work valuation amongst the skilled and young workers.

It is also intended to establish technical cooperation in vocational and technical education amongst country members as well as to encourage collaboration amongst Asean governments, industries, organisations, employers, workers and vocational training institutes.

With all these targets, it's obvious that ASC2008 could become the appropriate event and place for showcase excellence in skills.

Asean Skills Competition 2008

All the 10 Asean member countries will participate in the 7th Asean Skills Competition to be held at the Malaysian Construction Academy in Cheras, Kuala Lumpur from Nov 14 to 16.

The competition, organised by Ministry of Works, would give the participants an opportunity to showcase their talents, skills and abilities in the most critical fields in the region's development.

The participants would compete for gold, silver and bronze medals in 19 skills categories.

The competition can nurture the innovation culture among the peoples of Asean and bring them bigger success in future.



Press conference by Minister of Works, YB Dato' Ir Mohd Zin Mohamed.

ASC 2008: “Meeting of skills”



The idea to hold the Asean Skills Competition (ASC 2008) came about during the Preparatory Meeting of Asean Skills Competition organized by the ILO/APSDEP which was held in Chiba, Japan in September 1993.

This recommendation was subsequently endorsed at the 10th Asean Labour Minister's Meeting held in Singapore in May

1994. Following this, the first Asean Skills Competition was held in Kuala Lumpur Malaysia in 1995.

Today, every two years, over 200 of the best young professionals from trades, services and vocational programmes around South East Asia gather to showcase their talents and abilities in over 15 skills categories. Participants compete for gold,

silver and bronze medals over a thrilling three days competition.

Asean Skills Competition also provides an opportunity for the exchange of knowledge, expertise and experience among delegates from member countries. With this “meeting of skills” will help to synergise the individual efforts of member countries to enhance skills training and standards in the region.

Skills Category

- Bricklaying
- Cabinet Making
- Computer Aided Drawing and Design (CADD)
- Cooking
- Electrical Installation
- Graphic Design Technology
- IT / Software Application



- Industrial Electronics
- Joinery
- Ladies' Dressmaking
- Mechatronics
- Plumbing
- Restaurant Service
- Refrigeration



ASC-7 2008

The objectives:

- To promote the development of quality vocational and technical skills and work values among the youth and skilled workers;
- To foster technical cooperation in vocational/technical education and training among members countries;
- To encourage close cooperation among governments, industries, employers' and workers' organizations and vocational training institutions;
- To provide a vehicle to recognize work excellence and develop a new generation of highly skilled workers.



- Wall & Floor Tiling
- Web Design Technology
- Automobile Technology
- Beauty Therapy
- Welding





Ia adalah sebahagian daripada rangka kerjasama di antara CIDB dan SWA membabitkan bidang pembangunan kemahiran dan pensijilan pekerja mahir binaan dalam tred-tred berkaitan kerja perpaipan dan sistem retikulasi air luaran.



CIDB tandatangani MoU dengan SWA

KUCHING: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan Pihak Berkuasa Air Sarawak (SWA) pada 18 Julai lalu.

Ia adalah sebahagian daripada rangka kerjasama di antara CIDB dan SWA

membabitkan bidang pembangunan kemahiran dan pensijilan pekerja mahir binaan dalam tred-tred berkaitan kerja perpaipan dan sistem retikulasi air luaran.

MoU yang ditandatangani dalam satu majlis rasmi di Damai Puri Resort, di sini, turut disaksikan Menteri Kemudahan

Awam Sarawak, Dato' Sri Awang Tengah Ali Hassan.

CIDB diwakili Ketua Eksekutif, Datuk Ir Hamzah Hasan yang disaksikan Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani, manakala SWA oleh Haji Ubaidillah Haji Abdul Latip dan disaksikan Ir Dennis Chua Wat Beng.

CIDB mencapai persijilan OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2005



Memang menjadi harapan CIDB supaya lebih ramai kontraktor akan menyertai program persijilan OHSAS 18001 dan MS 1722 pada masa depan bagi memberi keyakinan kepada pekerja bahawa tapak binaan adalah tempat selamat untuk bekerja.

Pada 18 Julai 2008, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berjaya dipersijilkan SIRIM QAS International Sdn Bhd dengan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, iaitu OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:Part 1:2005.

Ini selaras dengan hasrat CIDB untuk menjadi contoh dan menggalakkan

kontraktor, terutama kontraktor Gred 7 (G7) supaya mendapatkan persijilan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, iaitu OHSAS 18001:2007 atau MS 1722:Part 1:2005.

CIDB percaya apabila sesebuah organisasi dipersijilkan dengan OHSAS 18001 atau MS 1722, kadar kemalangan di tempat kerja dapat dikurangkan.

Ini seterusnya dapat meningkatkan produktiviti pekerja di samping memastikan tempat kerja sentiasa selamat.

Memang menjadi harapan CIDB supaya lebih ramai kontraktor akan menyertai program persijilan OHSAS 18001 dan MS 1722 pada masa depan bagi memberi keyakinan kepada pekerja bahawa tapak binaan adalah tempat selamat untuk bekerja.

QLASSIC Score

As of 8th August 2008, 54 projects (73.97%) of projects achieved QLASSIC Score within the range of 56% to 75%. The total number of projects that has been assessed using QLASSIC is 73. Detail statistics is shown in the Chart below.

The average QLASSIC score of the 73 projects are 62%. A total of 45 projects (61.64%) are equal to and above the average

QLASSIC score. According to the Construction Industry Master Plan (CIMP) 2006-2015, by 2015 the target is that 80% of all projects are above the average score.

Table 1 and Table 2 shows the list of top QLASSIC Score of private projects for category landed housing & stratified housing respectively.

Table 2:
Top 5 QLASSIC Score out of 11 projects for Category B (Stratified Housing) as of 8/8/08

RANKING	PROJECT TITLE	DEVELOPER/ PROJECT OWNER	MAIN CONTRACTOR	QLASSIC SCORE (%)
1	Cadangan Mendirikan 2 Blok Pangsapuri Kos Sederhana (Jumlah 448 unit) bersama kemudahan awam Rumah Kelas di atas Lot 64592 (PT 10271), USJ 1, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor	USJ ONE AVENUE SDN BHD	MODULAR CONSTRUCTION TECHNOLOGY SDN BHD	71%
2	Proposed 1 Block 27 Storey (53 units) Condominium, 16 units 3 storey Semi- D, 2 units 3 storey Bungalow, 1 units 3 Storey Club House & 2 Levels Basement Car Park With Swimming Pool, Mukim Batu, Kuala Lumpur - Condominium Block	FLORA MURNI SDN BHD	EHSAN BINA SDN BHD	69%
3	Cadangan Pembangunan Perumahan 220 Unit Pangsapuri Kos Sederhana 5, Tkt Fasa II, Pencawang TNB, Persiaran Casurina, Bandar Botanic, Klang Selangor	HARUM INTISARI SDN BHD	N.V BINA SDN BHD	68%
3	3 Blok Condo 35 Tgkt (Fasa 3) Mont' Kiara, Mukim Batu, KL	KIARAMAS DEVELOPMENT SDN BHD	SHIMIZU CORPORATION	68%
4	Cadangan Pembangunan Kediaman 2 Blok Pangsapuri 16 Tingkat mengandungi 326 unit pangsapuri, 1 unit Bangunan Serbaguna, 1 Unit Pondok Pengawal dan 1 unit Kolam Renang di atas Lot 1181 & 1182, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor. (Bukit Serdang) - Blok Pangsapuri	VILLAMAS SDN BHD	TRIENTEL INDUSTRIES SDN BHD	65%
4	Cadangan Pembinaan 8 Blok Rumah Pangsa 5 Tingkat Kos Sederhana Rendah (310 unit), 4 Buah Kebuk Sampah dan Sebuah Pencawang Elektrik TNB di atas PTD 83511, Taman Desa Tebrau, Mukim Tebrau, Daerah Johor Bahru, Johor	PLENITUDE TEBRAU SDN BHD	PEMBINAAN BINTANG BARU SDN BHD	65%

Table 1:
Top 10 QCLASSIC Score out of 26 projects for Category A (Landed Housing) as of 8/8/08

RANKING	PROJECT TITLE	DEVELOPER/ PROJECT OWNER	MAIN CONTRACTOR	QCLASSIC SCORE (%)
1	Cadangan Pembangunan 24 unit rumah Berkembar 2 1/2 Tingkat (Jenis A&B) di RP 5 (Fasa 3B) Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan untuk Tetuan Hicom Development Sdn Bhd	HICOM GAMUDA DEVELOPMENT SDN BHD	N.V BINA SDN BHD	81%
2	Cadangan Pembinaan Rumah Berbandung 42 Unit (Rumah Berbandung 2 1/2 Tingkat Sebanyak 26 Unit Jenis A, 4 Unit Jenis B dan 10 Unit Jenis C juga Rumah Berbandung 2 Tingkat Sebanyak 2 Unit Jenis D) di Taman Dera Tebrau, Mukim Tebrau, Daerah Johor Bahru, Johor	PLENITUDE TEBRAU SDN. BHD.	PEMBINAAN KAMICON SDN BHD	78%
3	Proposed 1 Block 27 Storey (53 units) Condominium, 16 units 3 storey Semi- D, 2 units 3 storey Bungalow, 1 units 3 Storey Club House & 2 Levels Basement Car Park With Swimming Pool, Mukim Batu, Kuala Lumpur - 3 Storey Semi-D	FLORA MURNI SDN BHD	EHSA BINA SDN BHD	77%
4	Cadangan Membina 150 unit Rumah Teres 2 Tingkat dan 1 unit Pencawang Elektrik di atas Lot PTD 117032, Fasa 2A, Mukim Tebrau, Daerah Johor Bahru	DYNASTY VIEW SDN BHD	TOTAL TEAMWORK SDN BHD	75%
4	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Rumah 28 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat, Fasa 7A9(B), Bandar Kinrara, Puchong, Selangor Untuk Tetuan Perumahan Kinrara Berhad	PERUMAHAN KINRARA BHD	ALUNAN ASAS SDN BHD	75%
5	Cadangan Pembangunan 132 unit Rumah Berkembar 1 tingkat dan 12 unit Rumah Berkembar 2 tingkat di Fasa 6A dan 2 unit rumah Teres 1 tingkat dan 2 unit Rumah Teres 2 tingkat di Fasa 6, Mukim Sg. Rasir, Daerah Kuala Muda, Kedah	PLENITUDE HEIGHTS SDN BHD	RENTAS JAYA SDN. BHD.	74%
6	Cadangan pembangunan perumahan sesebuah 2 tingkat dan rumah berkembar 3 tingkat berjumlah 122 unit mengandungi 70 unit rumah berkembar 3 tingkat (40' x 80'), 52 unit rumah sesebuah 2 tingkat (60'x100'), 2 unit Pencawang Elektrik di atas Lot PT 938, PT 939, PT 941, PT 942, PT 943, PT 944, PT 945, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	TTDI HARTA SDN BHD	MAKASSAR CONSTRUCTION SDN BHD	73%
6	Cadangan Pembangunan (Fasa 16B2A) yang mengandungi 18 unit rumah berkembar 2 tngkat, Bandar Botanic	HARUM INTISARI SDN BHD	TIMBUNAN BAKTI CONSTRUCTION SDN BHD	73%
7	Cadangan Pembinaan Yang Mengandungi 32 unit Rumah Teres 1 1/2 tingkat Jenis A, 63 unit Rumah Teres 1 tingkat Jenis B, 78 unit Rumah Teres 1 1/2 tingkat Jenis C dan 87 unit Rumah Teres 1 tingkat Jenis D, di Fasa 3C5 Bandar Seri Alam, Mukim Plentong, Daerah Johor Bharu	SERI ALAM PROPERTIES SDN BHD	KIMLUM SDN BHD	70%
8	Cadangan Membina 105 unit Rumah Teres 2 1/2 tingkat di atas Lot 22883, mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	BUKIT HITAM DEVELOPMENT SDN BHD	JASMURNI CONSTRUCTION SDN BHD	69%

Kerajaan utamakan pembinaan berasaskan



IBS



Kerajaan berhasrat menjurukan sektor pembinaan negara ke arah pengurangan pergantungan kepada tenaga kerja tidak mahir menerusi penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS).

Ini sekali gus akan mengurangkan pekerja asing di samping meningkatkan kualiti, produktiviti, keselamatan, daya saing dan mempercepatkan tempoh pembinaan.

IBS adalah proses pembinaan menggunakan teknik, produk dan komponen yang dihasilkan di luar tapak binaan tetapi dipasang di tapak binaan menggunakan tenaga kerja minimum.

Kini banyak syarikat pembinaan memilih menggunakan IBS berbanding kaedah konvensional bagi pelbagai projek besar, termasuk Menara Berkembar Petronas, Putrajaya, KL Sentral dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Berbanding kaedah pembinaan konvensional, kelebihan lain IBS

ialah mengelak pembaziran sumber, menjimatkan bahan binaan, meningkatkan kualiti alam sekitar serta kebersihan di tapak bina.

Penggunaan IBS juga menjadikan tapak pembinaan lebih terurus, manakala aspek kawalan kualiti dapat dilakukan dengan lebih baik.

Bagi tujuan mempromosi dan meluaskan penggunaan IBS, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mewujudkan Pusat IBS di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.

Antara yang ditempatkan di situ ialah Galeri IBS dan Perkampungan IBS. Pusat berkenaan dirasmikan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Ir Mohd Zin Mohamed pada 15 Oktober lalu.

CIDB juga sudah menyediakan pelan tindakan pelaksanaan IBS dalam projek kerajaan dan kajian semula Pelan Tindakan IBS (IBS Road Map).

Selain itu, CIDB memberikan pengecualian levi sepenuhnya kepada kontraktor yang menggunakan 50 peratus komponen IBS dalam projek perumahan.

Sebagai langkah segera, Jabatan Kerja Raya (JKR) turut mengambil tindakan memastikan semua projek bernilai RM6.9 bilion yang ditenderkan mulai 1 September 2008 menggunakan kandungan minimum 70 peratus IBS.

Kerajaan turut menyarankan rancangan perumahan kerajaan menggunakan kaedah ini untuk memberi faedah berganda kepada industri.



MERIAH... Menteri Kerja Raya, YB Dato' Ir Mohd Zin Mohamed menyertai pegawai dan kakitangan Kementerian Kerja Raya serta agensi di bawahnya menjayakan majlis sambutan hari raya Aidilfitri di Dewan Konvensyen CIDB, Akademi Binaan Malaysia (ABM), Jalan Chan Sow Lin, Cheras, Kuala Lumpur pada 15 Oktober lalu.

Majlis meriah itu turut dihadiri wakil kedutaan, agensi kerajaan dan penggiat industri.

Beliau juga merasmikan Galeri IBS, iaitu satu daripada kemudahan yang diwujudkan di Pusat IBS bertujuan mempromosi penggunaan Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) di negara ini.



Majlis hari raya meriah



IBS Centre



IBS Show Village

In line with the Government's effort to Industrialise the Construction Industry through the National IBS Roadmap 2003-2010, CIDB Malaysia has established the

IBS Centre which will function as a One Stop Centre in providing support and advice on industrialised construction and Government's IBS Projects Implementation for the 9th Malaysia Plan.

Infrastructure facilities that are being offered by the IBS Centre include training rooms, resource centre, gallery, showcase, incubator and show village. IBS Centre is also linked with the Makmal Kerja Raya and has close cooperation with Construction Research Institute of Malaysia (CREAM) and CIDB Holdings towards R&D on IBS.

The activities are being executed based

on the five main thrusts: IBS Industry Planning, IBS Training, IBS Promotion & Marketing, IBS Technology and IBS Certification and Verification.

The IBS Centre provides support to both Government and industry on IBS related matters namely, industry planning, promotion and marketing, training, verification and certification, and technology.

It is located at Jln Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. This centre was officiated by Minister of Works, YB Dato' Ir Mohd Zin Mohamed on 15 October 2008.



CIDB sekali lagi jayakan ICW

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sekali lagi berjaya menganjurkan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW2008) yang merupakan acara tahunan.

Acara kali ke-10 itu yang menemukan pelbagai komuniti sektor pembinaan dari serata dunia diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di antara 25 Ogos dan 29 Ogos lalu.

Kali ini ia bertemakan "Memperkasa Keupayaan Industri Pembinaan ke Arah Daya Saing Global".


Perasmian program itu dilakukan Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Dato'Yong Khoo Seng. Beliau turut merasmikan Ekspo Pembinaan Antarabangsa Malaysia ke-25

(MALBEX 2008) yang diadakan serentak dengan ICW2008.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang ICW2008 ialah seminar, ekspo, persidangan, sidang khas komuniti perniagaan bidang pembinaan dan program misi pembelian.

ICW2008 menjadi antara acara besar sektor pembinaan bertujuan mempromosi dan mengangkat keupayaan industri pada tahap domestik dan antarabangsa.

Acara yang memaparkan kejayaan industri pembinaan negara, peluang perniagaan dan perkongsian itu membolehkan pemain industri berinteraksi



dan mewujudkan rangkaian sehingga ke peringkat global.

Ia juga menjadi acara yang menggalakkan pemain industri pembinaan meneroka peluang bagi meningkatkan daya saing pada peringkat pasaran domestik dan global.



PROGRAM LATIHAN GRADUAN Industri Pembinaan

Sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri pembinaan di Malaysia, CIDB telah menyediakan program khusus untuk graduan yang belum mendapat pekerjaan.

Kelayakan:

- Warganegara Malaysia.
- Graduan pemegang Sijil / Diploma / Ijazah dalam jurusan seperti Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal (Am), Kejuruteraan Elektrik (Kuasa), Elektrikal, Bangunan, Senibina, Pengurusan Projek Pembinaan, Ukur Bahan, Ukur Bangunan dan lain-lain jurusan yang berkaitan dengan bidang pembinaan adalah layak untuk memohon.
- Mendapat pengiktirafan daripada Politeknik dan institusi pengajian tinggi awam atau swasta yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Kemudahan Yang Disediakan:

- Tiada yuran pendaftaran.
- Pakaian khusus, makan minum dan penginapan disediakan.
- Elaun sara diri sebanyak RM500.00 sebulan.
- Kursus akan dijalankan di Akademi Latihan CIDB termasuk di Sabah & Sarawak.

Pilihan kursus yang ditawarkan:

KURSUS	TEMPOH	KELAYAKAN
Pengurusan Projek	1 bulan teori & 1 bulan praktikal	Ijazah
Keselamatan & Kesihatan Pembinaan	1 bulan teori & 1 bulan praktikal	Ijazah / Diploma
Penyeliaan Tapak Bina	1 bulan teori & 1 bulan praktikal	Diploma / Sijil

Sila hantarkan borang permohonan di bawah bersama-sama salinan transkrip yang berkenaan kepada:

Pengurus Besar
Bahagian Pembangunan Personel Binaan
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
No. 72, Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur
(u/p: Puan Nanie Hasan)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Puan Nik Norsuriani** dan **Cik Ismah** di talian **03 - 2617 0200 sambungan 515 / 1434** atau fakskan ke **03 - 4044 8523**. Borang permohonan juga boleh didapati daripada laman web **www.cidb.gov.my**



BORANG PERMOHONAN PROGRAM LATIHAN GRADUAN INDUSTRI PEMBINAAN

Nama:

Alamat tempat tinggal untuk dihubungi:

..... No. K/P:

Tarikh Lahir: No. Tel (Rumah): No. Tel (HP) :

Kelayakan	Bidang Pengkhususan	Institut	Tahun Tamat Belajar
Sijil			
Diploma			
Ijazah			

Saya berminat untuk mengikuti kursus:

☐ Pengurusan Projek ☐ Keselamatan & Kesihatan Pembinaan ☐ Penyeliaan Tapak Bina

* Sila tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan. Pemohon hanya dibenarkan memilih satu kursus sahaja.

Program Latihan & Akreditasi Penyelia Tapak Binaan

• PENGENALAN

Kualiti merupakan salah satu di antara pelbagai cabaran yang dihadapi oleh Industri Pembinaan Malaysia. Kegagalan mematuhi standard yang ditetapkan, kelemahan dari segi rekabentuk dan mutu kerja yang rendah adalah di antara faktor utama yang menyebabkan kualiti pembinaan berada di tahap yang rendah.

CIDB menyedari keperluan untuk mempertingkatkan kualiti bagi keseluruhan industri ini. Bagi memenuhi matlamat ini dan seperti yang digariskan di bawah Akta 520 CIDB, salah satu fungsi CIDB adalah untuk mengakredit Penyelia Tapak Binaan. Justeru itu, CIDB telah mengambil langkah untuk membangunkan program latihan dan akreditasi yang menyeluruh bagi para Penyelia Tapak yang berminat untuk mempertingkatkan pengetahuan dan sikap profesionalisme mereka serta memastikan pencapaian objektif utama iaitu mempertingkatkan kualiti dalam pembinaan berjaya.

• OBJEKTIF

- Mempertingkatkan kualiti kerja di tapak binaan melalui penyeliaan oleh Penyelia Tapak yang berkelayakan.
- Memastikan agar Penyelia Tapak menepati Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dibangunkan oleh industri.
- Mengiktiraf dan mempertingkatkan kerjaya Penyelia Tapak.
- Menyediakan satu platform mekanisme yang bersistematik bagi mengakreditasi Penyelia Tapak.

• MODUL LATIHAN

- Struktur modul ini telah dirangka untuk memenuhi keperluan akreditasi berasaskan kepada 4 kategori pembinaan. Kategori tersebut adalah:-
 - a) Kerja Awam & Struktur
 - b) Kerja Bangunan & Senibina
 - c) Kerja Mekanikal
 - d) Kerja Elektrikal
- Para calon boleh memilih kategori yang mereka ingin dapatkan akreditasi dan dikehendaki menghadiri semua modul khusus yang dipilih bagi pentauliah sebagai penyelia tapak binaan oleh CIDB.
- Modul-modul latihan ini dibangunkan berasaskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dirangka oleh pakar dalam industri pembinaan. Modul-modul latihan adalah seperti berikut:-

A. MODUL KHUSUS KERJA AWAM & STRUKTUR

MODUL	TOPIK	BIL. HARI	YURAN (RM)
1 & 2	Site Administration AND Health, Safety and Environment	3	150
3	Project Supervision	3	150
4	Engineering Survey, Drainage, Road & Pavement Works	3	150
5	Geotechnical, Earthworks & Foundations	3	150
6	Concrete Works, Steel Works & Timber Structures	3	150
7 – 8	Pipelines, Water Supply & Sewerage System AND Water Retaining Structures & Associated Works	3	150
Jumlah		18 hari	RM900

B. MODUL KHUSUS KERJA BANGUNAN & SENIBINA

MODUL	TOPIK	BIL. HARI	YURAN (RM)
1 & 2	Administration Works AND Preparation Works	3	150
3	Project Control	4	200
4	Project Resources	3	150
5 – 6	Roofing & Cladding Works AND Aluminium & Glazing Works	2	100
7	Finishing Works	3	150
8 – 9	8 & 9 Landscaping Works AND CPC & DLP	3	150
Jumlah		18 hari	RM900

C. MODUL KHUSUS KERJA MEKANIKAL

MODUL	TOPIK	BIL. HARI	YURAN (RM)
1	Preconstruction Activities and Resources Activities	3	150
2	Mechanical Works	4	200
3	Construction Reports for Mechanical Works	3	150
4	Site Administration for Mechanical Works	3	150
Jumlah		18 hari	RM650

D. MODUL KHUSUS KERJA ELEKTRIKAL

MODUL	TOPIK	BIL. HARI	YURAN (RM)
1	Preconstruction Activities and Resources Activities	3	150
2	Electrical Works	4	200
3	Construction Reports for Electrical Works	3	150
4	Site Administration for Electrical Works	3	150
Jumlah		18 hari	RM650

• KAEDAH AKREDITASI

Terdapat 3 kaedah untuk diakreditasi dan para calon boleh memilih salah satu kaedah tersebut:-

I. KAEDAH LATIHAN DAN PENILAIAN

Calon dikehendaki untuk menghadiri modul latihan berdasarkan kepada pengkhususan tred masing-masing. Di akhir setiap sesi modul, calon dikehendaki untuk menduduki ujian penilaian bagi membolehkan calon diakredit sebagai Penyelia Tapak Bertauliah.

II. KAEDAH UJIAN AKREDITASI

Calon boleh terus menduduki ujian akreditasi berdasarkan kepada pengkhususan tred masing-masing tanpa perlu menjalani proses latihan. Calon yang gagal boleh menduduki semula ujian bagi modul yang gagal ataupun mengikuti Kaedah Latihan & Penilaian.

III. KAEDAH PENGIKTIRAFAN TAHAP PENDIDIKAN DAN PENGALAMAN

Memberi peluang kepada penyelia-penyelia tapak binaan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi ataupun mempunyai tempoh pengalaman penyeliaan projek pembinaan yang lama untuk diakredit sebagai Penyelia Tapak Bertauliah. Calon dikehendaki untuk melaporkan projek-projek yang telah diselai dan pengalaman berdasarkan kepada tanggungjawab dan tugas sepanjang kerjaya beliau. Pengesahan majikan terkini dan akuan bersumpah adalah diperlukan.

Setiap calon boleh memilih mana-mana kaedah pentauliahkan penyelia tapak yang dikehendaki sekiranya calon berkenaan mencapai Tahap Kelayakan minimum yang ditetapkan. Tahap Kelayakan Pentauliahkan Penyelia Tapak Binaan adalah seperti berikut:-

Tahap Pencapaian Akademik	Pengalaman Penyeliaan Projek Pembinaan	Kaedah Akreditasi	Kaedah I : Kaedah Latihan dan Penilaian Kaedah II : Kaedah Ujian Akreditasi Kaedah III : Kaedah Pengiktirafan Tahap Pendidikan dan Pengalaman
Tiada Pendidikan Formal	> 15 tahun	I, II atau III	
Pendidikan Sekolah Rendah Pendidikan Sekolah Menengah	> 10 tahun 7 – 10 tahun 5 – 7 tahun	I, II atau III I atau II I	
Sijil Politeknik Sijil Kemahiran Malaysia Sijil Kecekapan Kemahiran Sijil Teknikal	> 7 tahun 3 – 7 tahun	I, II atau III I atau II	
Diploma	> 5 tahun 2 – 5 tahun	I, II atau III I atau II	
Ijazah Sarjana Phd	> 3 tahun 2 – 3 tahun	I, II atau III I atau II	

• CALON YANG LAYAK MENYERTAI PROGRAM INI

- Para calon perlulah memiliki Kad Hijau. Calon yang belum memiliki Kad Hijau boleh memohon semasa mendaftar untuk kursus ini.
- Calon tanpa kelayakan akademik tetapi mempunyai minimum 15 tahun pengalaman kerja juga boleh menyertai program ini dengan menunjukkan bukti pengalaman kerja mereka samada melalui Surat Sokongan atau Surat Perakuan daripada majikan sekarang atau sebelumnya.

• YURAN KURSUS

- Yuran kursus **Kaedah I** adalah mengikut Modul Latihan A, B, C atau D yang dipilih. Yuran adalah meliputi nota latihan, makan dan minum tidak termasuk penginapan, manakala bagi **Kaedah II** dan **Kaedah III**, yuran kursus adalah sebanyak RM100.00.
- Pembayaran boleh dibuat secara tunai / kiriman wang / bank deraf. Bayaran hendaklah dibuat atas nama '**CIDB MALAYSIA**'.

• PERSIJILAN

Sijil Kecekapan Kemahiran akan diberikan kepada calon yang tamat dan lulus setiap modul dengan jayanya.

• PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

- Puan Siti Rahayu Yaakub (Tel: **03-2617 0381**, E-mel: **rahayu@cidb.gov.my**)
- Puan Nor Immas Ibrahim (Tel: **03-2617 0317**, E-mel: **immas@cidb.gov.my**)
- Puan Nanie Hassan (Tel: **03-2617 0319**, E-mel: **nanie@cidb.gov.my**)
- Faks ke **03-4044 8523**



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Bahagian Pembangunan Personel Binaan
Tingkat 7, Grand Seasons Avenue, No. 72, Jalan Pahang
53000 KUALA LUMPUR




Malaysia



Brunei Darus Salam



Indonesia



Cambodia



Laos



Myanmar



Philippines



Singapore



Thailand



Vietnam



ASC 2008

Competing For Excellence



Skills Category

- Bricklaying
- Cabinet Making
- Computer Aided Drawing and Design (CADD)
- Cooking
- Electrical Installation
- Graphic Design Technology
- IT / Software Application
- Industrial Electronics
- Joinery
- Ladies' Dressmaking
- Mechatronics
- Plumbing
- Restaurant Service
- Refrigeration
- Wall & Floor Tiling
- Web Design Technology
- Automobile Technology
- Beauty Therapy
- Welding